

# PM minta menteri bekerja keras

04 JULI 2002  
Oleh LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 3 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan amanat penting dengan meminta menteri bekerja keras sebagai satu pasukan yang mengutamakan kepentingan negara.

Perdana Menteri yang baru pulang daripada bercuti selama 10 hari melahirkan harapannya itu dalam mesyuarat Kabinet yang dipengeruskannya hari ini.

Mengulas perkara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jemaah menteri telah menyatakan ikrar untuk bekerja keras sebagaimana yang dihasratkan oleh Dr. Mahathir.

Najib berkata, Perdana Menteri sudah menunjukkan contoh yang baik dengan mengutamakan parti dan kerajaan melebihi kepentingan peribadi.

“Kita menerima baik hasrat Perdana Menteri itu,” katanya ketika dihubungi malam ini.

Beliau diminta mengulas mengenai hasrat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan supaya menteri bekerja keras dan berkhidmat sebagai satu pasukan.

Pada mesyuarat kabinet itu juga Perdana Menteri mahu supaya sokongan diberikan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, seperti yang terkandung dalam pelan peralihan kuasa sebelum persaraan beliau Oktober tahun depan.

Pada masa yang sama, Najib yang juga Naib Presiden UMNO berkata, UMNO sebagai tunjang kepada kerajaan perlu patuh kepada amanat Perdana Menteri sebagai Presiden UMNO.

Dengan itu katanya, imej kerajaan akan meningkat di mata rakyat.

Ditanya sama ada ahli-ahli UMNO boleh memberi jaminan untuk akur dan patuh kepada Perdana Menteri, Najib berkata:

“Ahli-ahli UMNO akan bergantung kepada sejauh mana pemimpin mereka di semua sama ada cawangan, bahagian dan tertinggi, akur dengan harapan dan hasrat Perdana Menteri.”

Najib berkata, kestabilan dalam parti dan

## sebagai satu pasukan

kerajaan perlu bukan sahaja sepanjang tempoh peralihan kuasa itu tetapi ia penting bagi memastikan kesinambungan kepimpinan kerajaan berjalan dengan baik.

Mengulas perkara yang sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Liong Sik berkata, Perdana Menteri juga telah memberi pelbagai idea dan panduan sambil meminta semua pemimpin bekerja keras serta sentiasa dinamik bagi membangunkan negara secara berterusan sehinggalah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepimpinan negara pada Oktober tahun depan.

Manakala Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting

berkata, Perdana Menteri memberi amanat supaya semua menteri berkhidmat ber-sungguh-sungguh kepada rakyat dan negara.

“Kehadiran Perdana Menteri dalam mesyuarat itu disambut dengan *standing ovation* serta tepukan gemuruh daripada semua menteri.

“Mesyuarat kabinet hari ini berlangsung dalam semangat yang tinggi dan meriah,” katanya.

Perdana Menteri kata beliau bersalam dengan setiap menteri yang hadir dan beliau mahukan mereka meneruskan komitmen melaksanakan dasar-dasar kerajaan sedia ada.